

Matlamat hidup : penunjuk arah kehidupan idaman Bahagian 3 / 4



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Anda perlu memberikan alasan yang munasabah sebagai penggerak motivasi dalam mencapai matlamat hidup anda. Antara cara untuk anda memikirkan alasan yang munasabah dan kukuh adalah dengan mencari manfaat serta perubahan yang boleh diperolehi selepas tercapainya matlamat.

Anda juga perlu mempertimbangkan ganjaran selepas tercapainya matlamat. Anda bayangkan perasaan anda bila tercapainya matlamat anda. Itu akan menjelaskan lagi kepentingan matlamat tersebut.

Langkah yang seterusnya adalah bertekad untuk mencapai matlamat tersebut walau apa jua rintangannya. Penetapan matlamat hidup bukan sekadar catatkan dan selepas itu

lupakan. Anda harus sentiasa ingat akan matlamat anda, baca dan baca lagi dengan penuh semangat. Anda perlu komitmen yang sepenuhnya untuk mencapainya. Ini bermakna anda harus melakukan apa yang perlu bagi memastikan matlamat anda tercapai.

Seterusnya, catatkan rintangan dan cabaran yang kemungkinan akan dihadapi sepanjang perjalanan dalam mencapai matlamat anda. Carikan penyelesaian bagi setiap rintangan dan cabaran yang bakal dihadapi. Ini membantu anda menghadapi rintangan dan cabaran dengan tenang kerana anda sudah BERSIAPSEDIA. Pencapaian matlamat hidup bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Jika tidak semua orang sudah berjaya. Ia tidaklah mudah tetapi tidak bermakna tidak boleh dicapai. Hidup sememangnya penuh dengan pelbagai cabaran dan rintangan; itu adalah proses kehidupan.

Anda perlu berfikir positif dan fokus dalam pencapaian matlamat anda. Segala rintangan dan cabaran yang dihadapi boleh diselesaikan, seperti pak kata pepatah 'bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian'. Namum, sudah menjadi lumrah manusia, akan berputus asa walaupun hanyalah rintangan yang kecil.

Langkah seterusnya adalah menuliskan satu pelan tindakan yang terperinci dan tetapkan tempoh masa dalam pencapaian matlamat. Kenalpasti semua tindakan yang boleh diambil bagi pencapaian matlamat anda. Pelan tindakan yang ditulis dapat memberikan anda satu gambaran yang lebih jelas, lojik, teratur dan lebih mudah dilakukan.

John Edmond berkata, “Menuliskan pelan tindakan adalah langkah pertama dalam pencapaian matlamat anda. Tanpanya anda akan melebihi had masa, mengubah matlamat asal dan akhirnya matlamat anda menjadi satu mimpi siang.”

Had masa adalah sangat penting. Anda perlu jangkakan had masa yang diperlukan dalam pencapaian matlamat. Dengan adanya had masa akan membantu anda tidak curi tulang. Jika tidak ada had masa, anda akan asyik berlengah-lengah dan akhirnya proses pencapaian matlamat anda akan terkendala.

Selepas itu tuliskan sumber-sumber yang anda ada dan juga sumber-sumber lain yang perlu ada.

Bersambung...